

28 FEB 1997

Mahathir-Visa

THAILAND KAWAL PENGELUARAN VISA TRANSIT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Thailand akan memperketatkan pengeluaran visa transit dalam usaha membantu Malaysia mengatasi masalah kemasukan pendatang secara haram ke negara ini melalui negara jiran itu.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Thailand Jen Chavalit Yongchaiyudh memberi jaminan bahawa Thailand tidak akan mengeluarkan lagi visa transit kepada pelawat asing kecuali mempunyai bukti bahawa mereka boleh pergi ke negara ketiga.

"Kalau tak ada bukti, dia (Thailand) tidak akan bagi visa transit," katanya kepada pemberita selepas membuat kunjungan perpisahan terhadap Chavalit di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir berkata selama ini, terdapat pelawat asing telah menyalahgunakan visa transit yang diberikan oleh pihak berkuasa Thailand.

"Orang itu salah gunakan visa transit, dia minta visa transit seolah-olah dia boleh datang ke Malaysia tetapi dia tidak boleh datang ke Malaysia," katanya.

Visa transit dikeluarkan oleh pihak berkuasa Thai kepada pelawat asing yang menggunakan negara itu sebagai transit untuk ke negara lain.

Dr Mahathir berkata bagi Thailand, ia cuma memberi visa transit sahaja dan selepas itu bergantung kepada pelawat asing sama ada hendak pergi ke tempat lain atau pun tidak.

"Jadi, bagi dia (Thailand), dia cuma bagi visa transit sahajalah tetapi kita tahu kalau dia bagi visa transit, kita ada masalah kerana dia (pelawat asing) tidak boleh pergi ke Malaysia," kata Dr Mahathir.

Isu ini timbul ekoran kebanjiran pendatang Bangladesh yang memasuki negara ini secara haram melalui Thailand setelah mendapat visa transit.

Dengan perkembangan terbaru ini, pelawat asing perlu membuktikan antara lain yang mereka mempunyai tiket perjalanan dan wang sebelum mereka diberikan visa transit.

Mengenai rancangan mengadakan mesyuarat tiga pihak di antara kerajaan Bangladesh, Thailand dan Malaysia berhubung masalah pendatang tanpa izin Bangladesh ke negara ini, Dr Mahathir berkata Malaysia memaklumkan perkara itu kepada Bangladesh semasa lawatan Menteri Luar negara itu ke sini baru-baru ini.

Dr Mahathir mengunjungi Chavalit kira-kira setengah jam pada penghujung akhir lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri Thai itu ke negara ini.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir berkata Chavalit akan cuba menyelesaikan masalah penandaan sempadan Malaysia-Thailand dalam tempoh 60 hari dari peringkat kerajaannya.

"Sementara di Malaysia, soal sempadan boleh diselesaikan di peringkat kabinet, tetapi ia (Thailand) kena kemukakan kepada Parlimen untuk kelulusan.

"Itu dia (Chavalit) tidak boleh jamin. Bagaimanapun dia akan cuba selesaikan masalah 60 hari dari peringkat kerajaan, lepas itu Parlimen kena luluskan," kata Dr Mahathir.

Masalah penandaan sempadan kedua-dua negara berlarutan selama 15 tahun antaranya kerana kedudukan geografi sungai yang dijadikan sebagai tanda sempadan sentiasa berubah akibat dipengaruhi oleh faktor perubahan alam sekitar seperti banjir.

Dalam mesyuarat delegasi Malaysia dan Thailand di sini semalam, kedua-dua negara bersetuju masalah itu akan diselesaikan berasaskan dua

prinsip, iaitu penandaan sempadan tetap dan tidak berubah disebabkan oleh perubahan sungai serta membangunkan secara bersama kawasan sempadan yang mempunyai masalah untuk ditandakan.

Dr Mahathir berkata Chavalit menyifatkan lawatan rasminya ke negara ini sebagai berjaya. -- BERNAMA

JM NAK